

Bank Rakyat unjur pertumbuhan

NABILA YASMIN RAZIB | 23 November 2016 12:23 AM

[f Like](#) 0 [Share](#) 0 [Tweet](#) 0 [g Google +](#) 0



Md. Khairuddin Arshad (tengah) bertukar dokumen perjanjian dengan Lau Kock Sang (kanan) dan Eddy Ng selepas menandatangani perjanjian persefahaman antara Bank Rakyat bersama Harvey Norman dan Signature Kitchen di Menara Bank Rakyat, Kuala Lumpur, semalam. UTUSAN/Roy Azis Abd Aziz

KUALA LUMPUR 22 Nov. - Bank Rakyat menyasarkan pertumbuhan 5 hingga 10 peratus asas pelanggannya yang kini berjumlah enam juta menjelang tahun depan menerusi pelbagai produk dan inisiatif yang diperkenalkan.

Ketua Pegawai Operasi Bank Rakyat, Md. Khairuddin Arshad berkata, bagi segmen pembiayaan, bank koperasi berkenaan menyaksikan pertumbuhan tahunan kira-kira 25 peratus terutamanya daripada pelanggan sektor awam.

Ujarnya, sasaran yang ditetapkan bagi tahun kewangan 2016 hampir tercapai terutamanya dari segi agihan pembiayaan.

Bagaimanapun, situasi ketidak-tentuan ekonomi ketika ini memberi kesan terhadap keuntungan bank berikutan margin keuntungan lebih rendah.

"Semua sasaran yang ditetapkan untuk tahun ini dijangka dapat dicapai terutamanya di sumbangkan oleh segmen perniagaan pembiayaan peribadi kami yang kukuh khususnya dalam kalangan kakitangan awam," katanya kepada pemberita selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi kempen Pembiayaan Peribadi-i Naik Taraf Kediaman bersama Harvey Norman dan Signature Kitchen di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengurus Besar Harvey Norman, Eddy Ng dan Pengarah Signature Kitchen, Lau Kock Sang.

Tambah Md. Khairuddin, usaha sama antara Bank Rakyat, Harvey Norman dan Signature Kitchen itu menawarkan kemudahan pembiayaan Peribadi-i Naik Taraf Kediaman dan Kad Kredit-i bagi memenuhi keperluan setiap segmen pelanggan bank berkenaan.

Ujarnya, pelanggan akan menerima promosi istimewa apabila membeli perabot di Harvey Norman dan kelengkapan dapur di Signature Kitchen.

"Kerjasama ini mampu mempelbagaikan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan dan merupakan peluang terbaik untuk mengukuhkan jenama Bank Rakyat.

"Tawaran naik taraf kediaman ini terbuka kepada pelanggan yang berkhidmat dalam sektor awam dan swasta serta pesara dengan pilihan cara bayaran ansuran yang fleksibel," katanya.

Selain itu beliau berkata, pemegang Kad Kredit-i Bank Rakyat dapat menikmati tawaran eksklusif apabila membuat pembelian di kedua-dua rakan strategik bank melalui Skim Flexi Easy Payment 0 Peratus.